

Panduan untuk Pesakit dan Keluarga

Penjagaan Jaundis Neonatal Di Poliklinik



Apakah itu Jaundis Neonatal?


Jaundis boleh berlaku pada orang dewasa, kanak-kanak, dan bayi baru lahir. Ia sangat biasa di kalangan bayi baru lahir berbanding dengan orang dewasa atau kanak-kanak.

Punca paling biasa bagi jaundis neonatal ialah:

- Bayi yang dilahirkan sebelum cukup bulan (pramatang)
- Bayi yang tidak menyusu dengan baik
- Bayi mempunyai kumpulan darah yang berbeza daripada ibu
- Bayi mempunyai hati yang belum matang
- Bayi yang mengalami jangkitan

Pecahan sel darah merah secara semula jadi melepaskan bilirubin ke dalam aliran darah, yang kemudian dibersihkan melalui hati dan dikeluarkan dalam najis dan air kencing.

Apabila bilirubin tidak dapat dikeluarkan dengan cepat, ia menyebabkan jaundis, yang mengakibatkan kulit dan putih mata menjadi kuning. Selalunya, ia sukar untuk mengesan jaundis pada bayi secara visual.



Bila bayi saya perlu diperiksa untuk jaundis?



Biasanya, paras bilirubin bayi yang baru lahir akan diperiksa sebelum keluar dari hospital. Paras bilirubin biasanya paling tinggi apabila bayi berumur 3 hingga 5 hari.

Bayi anda perlu menjalani pemeriksaan susulan dengan doktor dipoliklinik untuk memeriksa paras bilirubin dalam masa dua hari selepas discaj. Bagi kebanyakan bayi, jaundis akan berkurangan apabila bayi mencapai usia dua minggu (bagi bayi yang lahir cukup bulan), atau tiga minggu (bagi bayi yang lahir pramatang).

Jika paras bilirubin mencapai tahap yang sangat tinggi dan tidak berkurangan, ia boleh berkumpul di dalam otak bayidan boleh menyebabkan kesan jangka panjang seperti kerosakan otak (kernikterus), kehilangan pendengaran, atau kecacatan mental.

Bolehkah jaundis diukur?

Ya, paras bilirubin boleh diukur dengan menggunakan bilirubinometer transcutaneous (diukur melalui kulit) atau dengan mengambil sampel darah bayi melalui prosedur tusukan tumit. Jururawat akan menilai kelayakan bayi anda untuk pengukuran Bilirubin Transcutaneous (TcB). Jika bayi anda tidak layak untuk TcB, dia akan menjalani tusukan tumit untuk ujian bilirubin serum bagi menentukan tahap bilirubin dalam darahnya.



Apakah itu TcB?

TcB adalah kaedah tidak-invasif (tidak menyakitkan) untuk mengukur paras bilirubin serum. Jururawat akan meletakkan prob pengukur alat TcB dengan lembut di sternum bayi (kawasan dada) dan mengira paras bilirubin bayi. Jika paras TcB bayi anda melebihi had yang telah ditetapkan, dia perlu menjalani ujian tusukan tumit.

Adalah dinasihatkan supaya TIDAK menyapukan losyen/powder/minyak pada dada bayi semasa lawatan jaundis ke klinik untuk pengukuran TcB kerana ini boleh mempengaruhi ketepatan bacaan TcB.

Bagaimanakah jaundis dirawat?

Dalam kebanyakan kes, jaundis tidak memerlukan rawatan dan akan pulih dengan sendirinya. Jika paras bilirubin bayi tinggi, bayi mungkin memerlukan fototerapi atau pertukaran darah (transfusi darah).

Apakah yang boleh saya lakukan untuk membantu bayi saya?

Meletakkan bayi anda di bawah sinar matahari secara langsung atau di hadapan tingkap tidak akan merawat jaundis kerana ia boleh menyebabkan dehidrasi dan melecur di kulit akibat matahari, yang boleh memburukkan keadaan.

Anda boleh membantu bayi anda dengan:

- memastikan dia meminum susu dengan secukupnya
- memerhati tanda jaundis yang semakin teruk dan menghadiri temu janji susulan dengan doktor untuk pemantauan jaundis



Adakah penyusuan susu ibu mempengaruhi jaundis?

Jaundis adalah perkara biasa di kalangan bayi yang disusui dengan susu ibu. Pastikan bayi anda meminum susu dengan secukupnya kerana dehidrasi boleh memburukkan jaundis.

Bayi yang disusui dan dihidrasi dengan secukupnya seharusnya mempunyai sekurang-kurangnya 6 lampin basah sehari dan menyusu sekurang-kurangnya 8 hingga 12 kali sehari. Jika anda mengalami kesukaran dalam penyusuan, rujuk kepada doktor atau jururawat untuk mendapatkan nasihat.

Bilakah saya perlu membawa bayi saya berjumpa doktor?



Bawa bayi anda berjumpa doktor jika anda perasan tanda-tanda dan gejala berikut yang memerlukan perhatian perubatan:

- Kelesuan sepanjang masa dan kesukaran untuk membangunkan bayi, walaupun semasa menyusu
- Tidak menyusu atau menghisap dengan baik
- Demam (Suhu melebihi 37.5°C)
- Tidak dapat ditenangkan, dan menangis dengan suara yang nyaring dan tinggi

Selain tanda-tanda di atas, tanda-tanda berikut boleh menunjukkan jaundis yang serius pada bayi anda:

- Najis yang kelihatan seperti kapur atau berwarna pucat
- Air kencing yang sentiasa berwarna gelap
- Kulit atau putih mata menjadi lebih kuning